

Tindakan proaktif kerajaan, masyarakat mampu bendung penularan H1N1

B.H 17/08/09 M15 29

Tiada tempoh tertentu dijangka wabak terus berada dalam komuniti

Oleh Azrul Affandi Sobry
azr@bharian.com.my

PENANTIAN yang mahu dijauhkan akhirnya menjadi mimpi ngeri kepada seluruh rakyat negara ini. Ketika wabak selesema babi atau influenza A (H1N1) melanda Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah awal April lalu, semua pihak tertanya-tanya adakah ia akan menular ke negara ini.

Kini, wabak itu bukan saja sudah berada dalam komuniti, malah sudah meragut 62 nyawa dan lebih membimbangkan apabila angka yang dijangkiti penyakit itu pula menunjukkan penambahan mendadak setiap hari.

Sejak kes pertama penyakit itu dikesan di negara ini yang disahkan melalui ujian makmal pada 15 Mei lalu, angka yang dicatatkan kini menunjukkan satu senario yang benar-benar membimbangkan iaitu sudah melebihi 2,000 kes dalam masa hanya tiga bulan.

Kematian pertama di negara ini akibat H1N1 pula berlaku pada 23 Julai dan lebih mengejutkan dalam masa tidak sampai sebulan, angka itu meningkat amat ke-



MASYARAKAT perlu ada kesedaran dan sentiasa menjaga kesihatan diri untuk membendung jangkitan selesema babi.



“Pesakit H1N1 tak semestinya akan teruk atau mati. Ia boleh sembuh jika dirawat dengan baik, malah peratusan untuk mati juga rendah. Rekod sebelum ini pun menunjukkan mereka yang mati ialah mereka yang mempunyai masalah kesihatan lain seperti pesakit jantung, pesakit paru-paru kronik, pesakit asma, pesakit kencing manis atau obesiti”

Dr Lokman Saim
Dekan Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

tara dengan purata kematian antara lima hingga enam orang sehari.

Walaupun pada peringkat awal, kebanyakan orang tidak begitu cemas kerana menyangkakan jangkitan itu hanya berlaku kepada mereka yang melawat ke negara berisiko, kini mereka mulai panik kerana peratusan jangkitan dalam negara menjadi punca penyebaran utama.

Justeru, pelbagai persoalan mula menghantui seluruh rakyat negara ini iaitu selama manakah penyakit itu akan terus merebak dan mengorbankan lebih banyak nyawa serta apakah yang bakal berlaku pula pada masa beberapa bulan mulai sekarang.

Lebih menakutkan apabila kenyataan disiarkan dalam artikel 'Flu measures: Confusion rather than non-compliance' oleh Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr David KL. Quek mengenai unjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menjangkakan antara 5,500 hingga 28,000 rakyat negara ini akan mati akibat wabak itu.

Katanya, daripada 27.7 juta penduduk negara ini, 5.5 juta akan dijangkiti dan jika dianggarkan kadar kematian

antara 0.1 hingga 0.5 peratus, kira-kira 5,500 hingga 28,000 penghidap selesema itu akan meninggal dunia.

Ada logikinya kenyataan WHO itu kerana dalam perkembangan terkini, kadar kematian di seluruh dunia dilaporkan meningkat daripada 0.4 kepada 0.66 peratus pada awal bulan ini.

Dr David juga berkata, wabak itu dijangka berlarutan sekurang-kurangnya antara satu hingga dua tahun sebelum reda - sama ada virusnya berubah dalam bentuk lebih lemah atau vaksin sudah ditemui untuk membasminya.

Namun, angka itu pantas disangkal jurucakap WHO yang ditugaskan memantau H1N1 di negara ini, Dr Harpal Singh, kerana katanya kenyataan itu hanya akan berlaku jika tiada sebarang tindakan proaktif oleh Kementerian Kesihatan untuk membendung penularan penyakit berjangkit itu.

"Memang jika kementerian tak buat apa-apa dijangkakan lebih 5,000 orang akan mati. Namun, berdasarkan senario semasa dan melihat kepada betapa agresifnya kerajaan menangani wabak ini, ia akan dapat dikurangkan.

"Setakat ini, penyebaran wabak itu di negara ini masih terkawal dan tidak terlalu membimbangkan. Namun, langkah berterusan perlu digerakkan. Wabak ini sangat mudah merebak, malah risiko untuk menjangkiti orang berhampiran juga sangat tinggi dan pastinya ia adalah punca utama lebih ramai orang dijangkiti penyakit itu selepas ini.

"Namun, WHO tidak ada sebarang tempoh tertentu untuk menjangkakan berapa lamakah penyakit ini akan terus berada dalam komuniti. Apapun, untuk membantu mengurangkan jumlah kematian, orang ramai perlu bekerjasama dan bertindak segera jika rasa selesema atau batuk. Ini kerana 40 peratus kematian disebabkan kes lambat mendapatkan rawatan," katanya.

Bagaimanapun, pandangan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Lokman Saim pula agak berbeza kerana beliau menjangkakan trend semasa menunjukkan jumlah penghidap selesema babi akan bertambah dengan lebih banyak pada masa akan datang, tamabahan pula penyakit ini mempunyai risiko jangkitan

lebih tinggi berbanding penyakit lain.

Beliau merujuk kepada beberapa penyakit berjangkit sebelum ini seperti sindrom pernafasan yang teruk (SARS) dan selesema burung yang, walaupun berjangkit, tetapi peratusan jangkitannya kepada orang lain sangat kecil.

"H1N1 mempunyai peratusan jangkitan sangat tinggi. Mudah kata, siapa yang berada berhampiran pesakit akan dijangkiti tak kiralah di mana pun. Tak seperti SARS atau selesema burung, orang berhampiran tak semestinya dijangkiti.

"Kerana itu angka mereka yang dijangkiti H1N1 terus meningkat mendadak dari hari ke hari dan ia akan terus meningkat tanpa dapat dikawal kerana ia sudah pun berada dalam komuniti. Namun, ia tak bermakna kita harus panik kerana walaupun ia senang berjangkit, risikonya tak seteruk penyakit sebelum ini seperti SARS, selesema burung atau tibi.

"Pesakit H1N1 tak semestinya akan teruk atau mati. Ia boleh sembuh jika dirawat dengan baik, malah peratusan untuk mati juga rendah. Rekod sebelum ini pun menunjukkan mereka yang mati ialah mereka yang mem-

punyai masalah kesihatan lain seperti pesakit jantung, pesakit paru-paru kronik, pesakit asma, pesakit kencing manis atau obesiti," katanya.

Satu fakta yang menarik turut didedahkan beliau dengan mengatakan orang normal dan sihat adalah lebih baik dijangkiti selesema babi kerana ia akan melatih sistem imunisasi badannya untuk membentuk antibodi yang kuat supaya imun dengan penyakit itu pada masa akan datang.

Seorang lagi pakar perubatan turut melihat senario ketika ini sebagai sesuatu yang tidak harus membuatkan orang ramai panik kerana ia sebenarnya adalah sama seperti penyakit selesema biasa, tetapi menjadi gempar kerana ia satu wabak yang baru dikesan.

Ketua Jabatan Kecemasan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Profesor Madya Dr Ismail Mohd Saibon, berkata sebenarnya penyakit selesema lain juga boleh menyebabkan kematian, malah banyak kes kematian disebabkan penyakit itu, tetapi tidak dihebahkan.

"Bezanya H1N1 adalah satu wabak baru dan mendapat

liputan meluas seluruh dunia. Kematian yang dicatatkan memberikan kesan panik, sedangkan ia adalah perkara biasa. Semua jenis selesema boleh sebabkan kematian.

"Cuma penyakit baru ini belum cukup dikenali dan dalam proses mencari vaksinnya. Namun, saya yakin ia akan dapat dikesan dan penyebaran wabak ini akan dapat dikurangkan. Pada masa ini, trend semasa penyebarannya akan kekal, mungkin sehingga setahun lagi, apatah lagi ia kini bukan lagi penyakit import, tetapi berada dalam komuniti," katanya.

Berdasarkan kenyataan semua pakar di atas, dapahtlah dikatakan sebenarnya penyebaran wabak itu tak akan berhenti. Memang bunyinya menakutkan dan cukup untuk membuatkan sesiapa saja panik.

Namun, jika dilihat dari sudut positif, ia bukanlah satu wabak yang akan membunuh sesiapa saja yang menghidapinya. Masih ada sinar harapan dan jalan menanganinya. Apa yang paling penting ialah kerajaan perlu terus agresif menanganinya, manakala orang ramai pula tidak alpa mengurus kesihatan diri sendiri.